

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2/3/2012



Suara Blog

# Kemelut exco Kedah dan isu nadir bumi

MENTERI Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak bakal berdepan dengan usul undi tidak percaya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan datang, demikian didedahkan oleh **blog Kedahan69ers** ([kedahan69ers.blogspot.com](http://kedahan69ers.blogspot.com)).

Blog itu berkata, satu jawatankuasa bertindak selamatkan Pas Kedah telah ditubuh bagi menjayakan misi menjatuhkan kepimpinan Azizan dan kumpulan itu tidak akan menyerah kalah sehingga matlamat mereka tercapai walaupun percaya akan mendapat halangan.

"Daripada maklumat yang diterima, kumpulan yang baru ditubuhkan itu hanyalah satu permulaan dan mereka tidak akan sesekali berundur atau mengurangkan tekanan sehinggalah matlamat mereka tercapai. Seandainya agenda mereka gagal dalam tempoh terdekat ini, beberapa kaedah lain akan digunapakai.

"Jawatankuasa ini akan membuat usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar Kedah pada persidangan DUN Kedah akan datang. Jika masih gagal juga, mereka akan jatuhkan atau sabotaj Azizan di gelanggangnya sendiri di DUN Sungai Limau pada PRU (pilihan raya umum) akan datang," kata blog ini.

Katanya, desakan Pas Pusat agar Azizan tetap melantik semula dua Exco yang digugurkan iaitu Datuk Ir. Phahrolrazi Zawawi dan Dr. Ismail Saleh adalah antara usaha yang dilakukan oleh kumpulan tersebut dalam menjayakan misi berkenaan.

**Lukman Ismail**  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)



**Blog pro-Pas, Pencak Dimensi** ([helangjat.blogspot.com](http://helangjat.blogspot.com)) berkata, kemelut yang melanda Pas di Kedah semakin meruncing selepas Phahrolrazi meningkatkan tekanan terhadap Datuk Ir. Amiruddin Hamzah, salah seorang ADUN parti yang menerima pelantikan semula sebagai Exco.

Malah, Timbalan Yang Dipertua Pas Kuala Kedah itu diberi kata dua sama ada terus bersama dengan Pas Kuala Kedah dengan meletakkan jawatan sebagai exco atau terkeluar dari Pas Kuala Kedah kerana melanggar keputusan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pas Kuala Kedah agar tidak menerima pelantikan exco oleh Azizan.

"Apabila Amiruddin tidak dapat meyakinkan AJK dan YDP (Yang Dipertua Pas Kuala Kedah) tentang sikapnya dan menerima pelantikan exco, Amiruddin dianggap mengkhianati Pas Kuala Kedah. Pas berjuang atas prinsip istiqamah dan menolak kepentingan diri serta kepatuhan kepada ketua.

"Maka Amiruddin haruslah bersedia untuk menerima apa-apa risiko sebagai akibat

Kemelut yang melanda Pas di Kedah semakin meruncing selepas Phahrolrazi meningkatkan tekanan terhadap Datuk Ir. Amiruddin Hamzah, salah seorang ADUN parti yang menerima pelantikan semula sebagai Exco

daripada penerimaannya terhadap tawaran pelantikan exco. Beliau tidak boleh menyalahkan Pas Kuala Kedah," katanya.

Katanya, jika Amiruddin menjangkakan akan ditunjuk oleh Azizan sebagai penggantian, beliau bakal berhadapan dengan situasi yang sama dihadapi oleh Menteri Besar sekarang kerana restu Phahrolrazi dan Dewan Ulama Pas Kedah adalah penentu survival politik Amiruddin, bukan Azizan.

Berhubung isu Lynas, **Yaziz Yunus** ([unclearengineer.blogspot.com](http://unclearengineer.blogspot.com)) berkata, jika benar projek nadir bumi Lynas berbahaya seperti didakwa oleh pihak-pihak tertentu, sudah pasti sekitar Ipoh, Perak; Ampang, Sungai Besi dan Serdang di Lembah Klang sudah menjadi padang jarak padang tekukur akibat tahi bijih (amang).

Sebaliknya, kata beliau, kawasan-kawasan tersebut telah dimajukan sebagai kawasan penempatan yang menjadi tumpuan sedangkan tahi bijih didapati mengeluarkan radiasi yang lebih tinggi daripada sisa (rasidue) nadir bumi yang akan dimajukan oleh Lynas.

"Dia ni pekak badak ke atau dah terencat akal. Kan semua pakar dah bersetuju bahawa sisa dari Lynas terdiri dari sisa radioaktif paras paling rendah. (Bahagian) yang boleh kata tempat simpanan sisa tersebut akan tidak dapat didekati manusia selama berbilion tahun, ini datang dari pakar mana?

"Kalau isu keselamatan sinaran, kita rujuklah dengan pakar dalam bidang tersebut. Yang dia rujuk pakar sejarah mengenai ketamadunan Cina buat apa. Maka itulah jawapan yang dia dapat. Nampak macam jawapan orang pandai tapi jauh tersasar dari fakta sebenarnya," bidas beliau.

Untuk rekod, Yaziz ialah seorang pakar nuklear dan blog beliau banyak memuatkan fakta-fakta berhubung nadir bumi.

**Blog Rezqeen Hill** ([riziqin.blogspot.com](http://riziqin.blogspot.com)) pula menerbitkan laporan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berhubung kandungan mSv yang diperiksa di kilang Lynas yang jelas menunjukkan tohmahan pembangkang mengenai isu ini sangat tidak berasas.

Sebaliknya dakwa beliau, bantahan tersebut

mungkin untuk menjaga kepentingan negara China yang akan terancam sebagai pengeluar nadir bumi apabila Malaysia bakal muncul sebagai pengeluar kedua bahan itu di dunia.

"Ini semua (bantahan terhadap projek Lynas) hanyalah rancangan permainan oleh pembangkang di mana mereka hanya (mahu) memburuk-burukkan kerajaan dan semata-mata ingin meraih simpati rakyat supaya mereka mendapat undi pada PRU-13 nanti," katanya.

**Blog Cucu Tok Selampit** ([khaiarulryezal.blogspot.com](http://khaiarulryezal.blogspot.com)) yang mengulas **blog Apanama** ([apanama.blogspot.com](http://apanama.blogspot.com)) yang mendedahkan terdapat sebuah kilang memproses nadir bumi telah beroperasi di Selangor sejak sekian lama tetapi langsung tidak mendapat reaksi dari pihak pembangkang.

Katanya, beliau yang tinggal dalam lingkungan lima kilometer dari kilang berkenaan sejak lebih tiga tahun lalu tetapi sehingga kini belum ada tanda-tanda beliau bermutasi akibat kesan radiasi daripada kilang berkenaan dan begitu juga penduduk lain di sekitar kilang tersebut.

"Sekiranya radiasi dari kilang yang mengeluarkan nadir bumi atau produk yang bersamaan telah merosakkan penduduk sekitar, kami di Shah Alam akan terkena dahulu. Setakat ini belum ada tanda-tanda saya akan bertukar atau memiliki kuasa seperti Profesor Xavier, Wolverine atau Magneto," katanya.